

Malaysia dalam landasan sebagai nadi digital ASEAN

Oleh Alzahrin Alias - Oktober 15, 2021 @ 5.05pm

zahrin@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menyasarkan meningkatkan kapasiti ekonomi digital di Malaysia sekali gus meletakkan negara dalam landasan sebagai nadi digital ASEAN.

Ketua Pegawai Perniagaan Digital MDEC, Aiza Azreen Ahmad, berkata sasaran itu akan dicapai menerusi Strategi Pelaburan Digital Future5 (DIF5) yang memberi fokus kepada lima teras utama.

Beliau berkata, inisiatif yang akan dilaksanakan sehingga 2025 itu dirangka berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) bagi meningkatkan pelaburan dan kemajuan ekonomi digital Malaysia.

Katanya, lima teras utama DIF5 adalah seiring dengan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL).

"Selain menumpukan kepada pemerkasaan digital tempatan, kita mahukan Malaysia menjadi nadi digital ASEAN dan juga global.

"Ini bermaksud kita perlu mencari akses pasaran dan peluang pelaburan berkualiti tinggi ke Malaysia. DIF5 akan menarik pelaburan bernilai RM50 bilion selain menyasarkan 50 syarikat teknologi Fortune 500 dan memberi peluang kepada lima syarikat 'unicorn' terutamanya dari perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Ia juga bakal mewujudkan 50,000 peluang pekerjaan dalam industri digital, selain memberi fokus kepada lima sektor industri utama, lima teknologi utama, lima teknologi baharu muncul dan perkhidmatan perniagaan global digital," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel dalam program Forum Perniagaan PKS BH secara maya yang dihoskan Fiza Sabahan, hari ini.

Turut diundang sebagai panel Ketua Pegawai Kewangan Bukit Bintang City Centre (BBCC), Farizal Zainudin; Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Muhd Firdaus Azharuddin; Ketua Solusi Perusahaan (M2M/Messaging/BizApps) Celcom Axiata Bhd, Mohamad Sukeri Abdullah dan Eksekutif Kanan, Pembangunan Peruncitan Bukit Bintang City Centre (BBCC), Nurul Atiqah Hisam.

Aiza berkata, digital ekonomi adalah pemangkin masa depan Malaysia untuk melangkah lebih tinggi dan mampu mencapai sasaran yang telah ditetapkan kerajaan.

Beliau berkata, sasaran MDEC bukan hanya untuk negara tetapi menjadi hab kepada ASEAN, sekaligus membolehkan lebih banyak usahawan tempatan mampu bersaing di peringkat global.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Muhd Firdaus Azharuddin, berkata usahawan tempatan terutamanya PKS harus menjadikan digital sebagai satu keutamaan dalam operasi masa hadapan.

Namun beliau berkata, usahawan perlu memahami terlebih dahulu apakah makna digital dan tidak hanya menumpukan kepada pemasaran digital semata-mata.

"Ramai yang salah anggap, bila sebut beralih ke arah digital, perkara pertama adalah pemasaran. Hakikatnya mereka perlu memahami, digital ini merangkumi kesemua ekosistem perniagaan dari aspek logistik, kewangan dan inventori.

"Apabila ekosistem ini lengkap ke arah digital, baru kita akan dapat melihat impak sebenar pendigitalan itu. Justeru itu INSKEN sentiasa memberi bimbingan dan pemahaman menyeluruh dengan mudah mengenai perkara ini."

"Kita mahu usahawan memahami terlebih dulu digital itu dan melaksanakan dengan lebih terancang," katanya.

Muhd Firdaus berkata, usahawan juga perlu menggunakan bantuan dan sokongan yang disediakan kerajaan dan pelbagai pihak lain dengan sepenuhnya.

Beliau berkata, ini kerana disebabkan oleh pandemik COVID-19, ia telah meningkatkan dan mempercepatkan penggunaan digital di kalangan rakyat.

Lantaran itu, perniagaan juga perlu bergerak seiring dengan perkara itu, agar dapat memberikan perkhidmatan yang sama seperti diinginkan oleh pengguna.